

Cuti sekolah meriahkan Bandarku Ceria



ORANG ramai berkesempatan meluangkan masa lapang bersama anak-anak mereka semasa percutian persekolahan di Bandarku Ceria.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahamd
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 3 Disember. - Program Bandarku Ceria terus memeriahkan musim cuti persekolahan yang baru sahaja bermula beberapa hari lalu, di mana rata-rata orang-orang persendirian dan ahli-ahli keluarga masih memilih suasana ibu negara sebagai tempat beriadah di hujung minggu. Sementara di ruang terbuka yang

lain pula, pelbagai aktiviti seperti menipu belon, bermain bouncer, senamrobik di sepanjang jalan di tengah ibu kota berhadapan The Coffee Bean and Tea Leaf turut memeriahkan Bandarku Ceria yang menambahkan keceriaan dan menarik perhatian para pengunjung yang datang untuk menyaksikan serta menyertainya.

Di sepanjang jalan-jalan yang ditutup pula terdapat banyak gerai

yang menjual pelbagai barangan seperti makanan, minuman, pakaian dan banyak lagi yang boleh didapati dengan harga berpatutan.

Beberapa maskot dari karakter animasi popular juga kelihatan semasa acara tersebut dijalankan sebagai salah satu cara bagi menarik golongan kanak-kanak untuk sama-sama melibatkan diri, di samping berhibur dan secara tidak langsung dapat menyemai rasa kecintaan terhadap bandar kita pada usia muda.

Selain itu, dalam mempelbagaikan lagi tarikan, perkhidmatan beca juga boleh

diperoleh, yang menawarkan orang ramai untuk bersiar-siar secara santai mengelilingi kawasan ibu negara.

Taman Mahkota Jubli Emas juga antara kawasan tumpuan orang ramai beriadah, bersantai dan berhibur bersama keluarga tersayang di pagi minggu.

Program Bandarku Ceria bertujuan untuk menghidupkan suasana Bandar Seri Begawan (BSB) dan menjadikannya sebagai sebuah bandar yang dinamik, vibrant dan unggul, di mana pada program tersebut merupakan Hari Tanpa Kereta di kawasan pusat BSB.

KESAN anjurkan Kem Belia

Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Kemajuan Insan (KESAN)

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 3 Disember. - Sempena Sambutan Maulidur Rasul 1439 Hijrah, Persatuan Kemajuan Insan (KESAN) menganjurkan Kem Belia dua hari satu malam bertajuk



KESAN menerima sumbangan peralatan pembersihan daripada orang ramai.



PENSYARAH Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Haji Abdurrahman Raden Aji Haqqi menerima cenderamata dari KESAN.

'ALIGHT : A light in the night' bertempat di Kompleks Sukan Sungai Kebun.

Menurut Siaran Akhbar KESAN, kemuncak utama kem tersebut adalah forum bertajuk 'Kepimpinan Ideal : Iktibar Sirah Nabawiyah' yang disampaikan oleh ahli panel terdiri daripada Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Haji Abdurrahman Raden Aji Haqqi dan Penolong Pensyarah Sultan Omar 'Ali Saifuddin Centre for Islamic Studies (SOASCIS), Universiti Brunei Darussalam (UBD), Awang Hilman bin Haji Salim.

Antara pengisian yang dibentangkan oleh para penceramah, iaitu setiap orang adalah pemimpin dengan cara mereka sendiri dan Rasulullah mempunyai ciri-ciri terbaik sebagai pemimpin yang harus kita ikuti mengikut tema Sambutan Maulidur Rasul peringkat negara tahun ini, 'Rasulullah Qudwah Pemimpin Adil'.

Kem itu turut diselenggarakan dengan aktiviti, ceramah dan bengkel yang diakhiri dengan acara yang diadakan bersempena dengan 'Hari Tindakan 2017, ALIGHT : Care Kit Drive'.

Berikutan itu, peralatan pembersihan yang didermakan oleh orang ramai akan didedahkan ke sekolah-sekolah terpilih sepanjang tahun depan.

Kempen derma 'ALIGHT : Care Kits Drive' akan disambung semula pada 10 Disember nanti, mulai 9.00 pagi hingga 11.00 pagi yang akan diadakan di Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.

Maklumat lanjut mengenai kempen derma tersebut bolehlah melayari laman sesawang persatuan.kesan1@gmail.com, Instagram : [persatuan_kesan](https://www.instagram.com/persatuan_kesan) dan Facebook : [Persatuan KESAN](https://www.facebook.com/PersatuanKESAN).



SUASANA riadah berbasikal di Jalan Sultan, ibu negara.

Taklimat jemaah umrah SCA

Siaran Akhbar :
Straits Central Agencies (SCA) Sendirian Berhad

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 3 disemeber. - Kira-kira 850 penumpang akan melaksanakan ibadah umrah tahun ini, di mana ada daripadanya telah berlepas mulai 2 Disember lepas.

Para penumpang berlepas melalui pelbagai destinasi, iaitu dari Negara Brunei Darussalam, Kuala Lumpur, Kaherah, Dubai dan Istanbul, yang melebihi daripada 10 hari.

Sehubungan itu, Straits Central Agencies (SCA) Sendirian Berhad mengadakan satu taklimat umrah bagi jemaah yang akan menunaikan ibadah umrah mengikut perkhidmatan agensi tersebut.

Taklimat disampaikan oleh Awang Haji Ahmad Tarmizi bin Haji Md. Daud berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada 30 November lalu.